

07 MAR 2000

Wolfensohn-Kemiskinan

PENDUDUK MISKIN DUNIA JUGA MAHU NIKMATI PELUANG

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Presiden Bank Dunia James Wolfensohn berkata pengaliran masuk lebih banyak dana ke negara-negara membangun tidak dapat membantu mewujudkan semula keseimbangan sosial di kalangan penduduk dunia.

"Ia bukan berupa projek...tetapi jelas yang mereka mahu ialah pengetahuan, perkongsian dan peluang yang dibawa hasil daripada revolusi baru (pengetahuan dan digital) ini," kata beliau pada Global Knowledge Conference (GKII) Kedua di sini yang disiarkan melalui persidangan video dari Washington.

Beliau berkata kajian Bank Dunia membabitkan 60,000 orang di 60 negara baru-baru ini menunjukkan bahawa mereka yang hidup dalam kemiskinan bukan meminta belas ikhsan atau bantuan kewangan.

"Yang mereka mahu ialah peluang, pengetahuan, peluang bagi diri mereka, anak mereka, bagi wanita dalam keluarga dan mereka juga mahu peluang untuk maju," kata beliau.

GKII yang dihadiri oleh kira-kira 1,200 perwakilan dari dari seluruh dunia akan membincangkan usaha untuk menangani perluasan jurang perbezaan antara masyarakat "bermaklumat" dan masyarakat "tidak bermaklumat" hasil daripada revolusi pengetahuan dan digital di peringkat global.

Beliau berkata revolusi dalam bidang-bidang itu ialah sebahagian daripada proses globalisasi dan harus dianggap sebagai peluang bagi semua orang.

Menurut beliau, hasil kemajuan teknologi, tidak mustahil dalam masa beberapa tahun akan datang untuk mempunyai satelit yang mampu menyalurkan komunikasi kepada penduduk di setiap penjuru dunia.

"Banyak syarikat terbabit telah membayangkan bahawa bagi golongan miskin dan sekolah, akses kepada maklumat adalah percuma. Bayangkan pada tahun-tahun akan datang, penduduk di kampung mempunyai akses kepada pengetahuan, nasihat dan bimbingan.

"Kami di Bank Dunia telah berusaha untuk merebut peluang ini secara praktikal," kata beliau.

Beliau berkata Bank Dunia dan rakannya seperti Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) juga sedang mengkaji prospek untuk menubuhkan apa yang dipanggil "global gateway of knowledge".

Sementara itu, pengarah Third World Network, Martin Khor, memberitahu sattu sesi GKII bahawa manfaat daripada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) hanya boleh diperolehi jika senario tertentu wujud di negara membangun.

Ia termasuk celik komputer, infrastruktur komunikasi, akses kepada perkakasan dan perisian dan rancangan oleh sektor awam dan swasta bagi memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi.

Khor juga berkata walaupun negara membangun dan firma-firma dari negara itu juga boleh mengambil kesempatan daripada e-dagang namun firma-firma besar di negara maju berada dalam kedudukan lebih baik untuk mendapat lebih banyak manfaat daripada e-dagang.

GKII ialah anggota Global Knowledge Partnership yang ditubuhkan selepas persidangan mengenai "Knowledge for Development in the Information Age" di Toronto pada 1997.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan GKII esok.

-- BERNAMA

MAM FAZ